



"BERDOALAH KEPADA ALLAH YANG MAHA PENCIPTA".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: وَأَذْكُرْ رَبَّكَ كَثِيرًا وَسَبِّحْ بِالْعَشِيٍّ وَالْإِبْكَرِ^١</p> <p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p> <p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	2
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	3
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita tingkatkan ketakwaan kehadrat Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya, semoga kita mendapat rahmat-Nya didunia dan diakhirat.</p>	4
<p>Khutbah kita hari ini berjudul "BERDOALAH KEPADA ALLAH YANG MAHA PENCIPTA".</p> <p>Hadirin yang mulia,</p>	5
<p>Sesungguhnya, untuk menjayakan sesuatu yang kita hajati, bukan sahaja dengan usaha secara lahiriah, tetapi juga lebih berkat dan manfaat, jika usaha kita itu diikuti dengan doa. Doa berfungsi sebagai senjata yang ampuh bagi orang-orang yang beriman.</p>	6
<p>Hadis daripada Anas bin Malik Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">الدُّعَاءُ مُخْرِجُ الْعِبَادَةِ</p> <p style="text-align: center;">"Doa adalah otak kepada ibadat". (Riwayat al-Tirmizi).</p>	7
<p>Muslimin yang berbahagia,</p> <p>Doa adalah sebahagian daripada ibadah. Ia boleh dilakukan pada bila-bila masa dan dimana sahaja kita berada. Kerana Allah SWT sentiasa bersama-sama kita. Menurut Para Ulama, cara berdoa yang diyakini akan dimakbulkan oleh Allah SWT, antaranya adalah:</p>	8
<p>¹ Ali Imran : 41.</p>	9



Pertama: Berdoa hendaklah dilakukan dengan penuh khusyuk serta yakin akan dimakbulkan oleh Allah SWT.	10
Hadis daripada Abu Hurairah RadhiAllahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda: أَدْعُوا اللَّهَ وَأَنْتُمْ مُؤْقِنُونَ بِالْإِجَابَةِ، وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَجِيبُ دُعَاءَ مِنْ قَلْبٍ غَافِلٍ لَّا هُوَ يَرْجُو	11
"Berdoalah kepada Allah dengan penuh keyakinan bahawa doamu pasti dikabulkan oleh Allah, dan ketahuilah bahawa Allah itu tidak berkenan menerima doa orang-orang yang hatinya alpa lupa." (Riwayat al-Tirmizi).	12
Kedua: Berdoa hendaklah yakin bahawa Allah SWT itu sangat dekat dengan kita, dan akan memakbulkan permohonan kita.	13
Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 186: وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُحِبُّ دَعْوَةَ الْمَدْعَى إِذَا دَعَانِ	14
"Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku."	15
Ketiga: Berdoa pada waktu malam dimulai dengan solat, diikuti dengan wirid-wirid seperti membaca al-Quran, berselawat, beristighfar, bertasbih, dengan penuh harapan semoga Allah perkenankan doa kita.	16
Hadis daripada Amru bin Abasah RadhiAllahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda: أَقْرَبُ مَا يَكُونُ الرَّبُّ مِنَ الْعَبْدِ فِي جَوْفِ اللَّيْلِ الْآخِرِ فَإِنِّي أَسْتَطَعْتُ أَنْ تَكُونَ مِمَّنْ يَذْكُرُ اللَّهَ فِي تِلْكَ السَّاعَةِ فَكُنْ	17
"Waktu yang Allah SWT paling hampir dengan hamba-Nya adalah pada akhir malam, dan sekiranya kamu mampu menjadi dalam kalangan orang-orang yang mengingati Allah pada waktu itu, maka lakukanlah." (Riwayat al-Tirmizi).	18



Keempat: Berdoa hendaklah dengan hati yang sabar dan tidak mudah berputus asa jika lambat dimakbulkan. Sikap ini adalah saranan utama untuk mencapai kejayaan.	19
Sebagai contoh, Nabi Musa Alaihis Salam dan Nabi Harun Alaihis Salam pernah berdoa memohon kepada Allah SWT, agar dapat mengalahkan raja Firaun. Tetapi selepas 40 tahun berlalu, barulah doa kedua Nabi tersebut di kabulkan oleh Allah SWT	20
sebagaimana firman-Nya dalam surah Yunus ayat 89: قَالَ قَدْ أُجِبَتْ دَعْوَتُكُمَا فَأَسْتَقِيمَا وَلَا تَتَّبِعَانِ سَبِيلَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ	21
"Allah berfirman: "Sesungguhnya telah dikabulkan doa kamu berdua; oleh itu hendaklah kamu tetap (menjalankan perintah-Ku seterusnya), dan janganlah kamu menurut jalan orang-orang yang tidak mengetahui (peraturan janji-Ku)."	22
Ini menunjukkan semua doa pada hakikatnya dikabulkan oleh Allah, cuma kadangkala menunggu saat-saat dan waktu yang telah ditentukannya. Saudara-saudara,	23
Kini, sudah lebih tiga bulan negara kita dilanda dengan ujian Allah SWT melalui penularan wabak COVID 19. Oleh itu marilah kita teruskan berdoa, semoga putusnya rantaian virus ini. Selepas segala usaha dan ikhtiar, maka dengan penuh khusyuk dan penuh pengharapan,	24
Insyaallah doa kita semua dimakbulkan oleh Allah SWT.	
أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ أَدْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ	25
"Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas."	26 (al-A'raf : 55).



<p>بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ وَتَقْبَلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	27
<p>أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	28



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْ يَوْمِ الْدِينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.</p>	4
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنِيَّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْتَ حَفَظَ بِعِينِ عِنَائِيْكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحَفْظِ وِقَائِيْكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	5
<p>جلالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سلاَغورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الحاجِ ابنِ المرحومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عبدِ العزيزِ شَاهِ الحاجِ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ أَدِمُ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاَغورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الحاجِ</p>	7
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَّةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالبِلَادِ، وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	8
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covod-19.</p>	9



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرْضَ وَالشَّدَادَ وَالْمَحَنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	10
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعِيْنٍ. وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.	11
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حَسَنَ وَإِيتَاهُ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۝ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۝	12
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ ۝ يَرْدُكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۝ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۝ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	13